

# Ahli sains Malaysia terima pengiktirafan



**KUALA LUMPUR** - Tiga pakar kejuruteraan kimia Malaysia mendapat pengiktirafan bidang sains paling berpengaruh dunia tahun 2015, menurut laporan daripada Thomson Reuters yang dikeluarkan pada 14 Januari lepas.

Laporan bertajuk *World's Most Influential Mind 2015* telah menyenaraikan Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud dan Prof Dr Siti Khatum Kamarudin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); kedua-duanya dalam bidang Tenaga Hidrogen dan Sel Fuel serta Prof Dr Bassim H Hameed dalam bidang Kejuruteraan Reaktor Kimia dan Penjerapan, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam kumpulan satu peratus teratas penyelidik-penyelidik dunia (*Top One Percent Scientists in The World*).

Ini merupakan kali kedua Prof Dr Bassim H Hameed, seorang warganegara Iraq tersenarai selepas tahun 2014.

Daripada sejumlah sembilan juta ahli sains seluruh dunia, seramai 3,000 orang mewakili 21 bidang sains tulen dan sains sosial mendapat pengiktirafan cemerlang ini berdasarkan kekerapan penerbitan mereka dirujuk oleh rakan-rakan se kepakaran. Analisis oleh Thomson Reuters ini merangkumi data rujukan selama 11 tahun (2003-2013) bertujuan



WAN RAMLI

mengenal pasti-penyelidik dengan hasil penerbitan yang paling banyak dirujuk. Data rujukan yang digunakan ialah daripada pangkalan data rujukan saintifik Thomson Reuters *Web of Science*.

Malaysia telah melaburkan sebanyak 1.13 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke arah membudayakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan ahli sains.

Menurut Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid, Penasihat Sains Perdana Menteri, merangkap pengerusi bersama MIGHT, jumlah pelaburan R&D yang diperuntukkan oleh kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu telah membuah hasil dengan adanya pengiktirafan daripada organisasi bebas dan dihormati ini.

Merujuk laporan oleh Taskforce



SITI KHATUM

on Science at University in the Muslim World yang turut dipengerusikan oleh Prof Zakri, dalam tempoh 1996-2005 dan 2006-2015 kebanyakan negara Islam telah menggandakan hasil penerbitan dalam bidang sains dan teknologi (S&T) dengan ketara. Sebagai contoh, Qatar mendapat penggandaan sebanyak 7.7, Iran (7.6), Pakistan (6.5), manakala Malaysia dan Iraq masing-masing sebanyak 5.8.

Menurut Prof Zakri yang pernah bertugas sebagai pensyarah di UKM, hampir semua tesis kedoktoran dan sarjana pelajar di UKM dari Malaysia dan Indonesia yang menjadi sumber kepada makalah berimpak tinggi ini telah ditulis sepenuhnya dalam bahasa Melayu, sekali gus ini membuktikan bahasa Melayu berjaya digunakan sebagai bahasa



BASSIM

ilmu dalam bidang S&T bertaraf dunia.

Prof Dr Wan Ramli yang mempunyai kelulusan ijazah kedoktoran daripada Universiti of Cambridge menganggap pengiktirafan yang berprestij ini satu penghargaan yang paling bermakna dalam kerjaya beliau selama 36 tahun sebagai pensyarah di UKM. Menurut beliau lagi, inisiatif *Top Research Scientist Malaysia* (TRSM) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) adalah amat baik kerana ia menggalakkan ahli sains Malaysia mendaftar dalam *Web of Science* dan *Scopus* serta mengemas kini data rujukan dalam kedua-duanya.

Berdasarkan laporan-laporan ini, jelaslah bahawa pelbagai usaha dan inisiatif dalam bidang S&T perlu diselaraskan bagi menjamin ekosistem penyelidikan yang



ZAKRI

holistik dan mantap supaya hasil-hasil R&D dapat dimanfaatkan untuk kemaslahatan sejagat.

## MALAYSIA INDUSTRY-GOVERNMENT GROUP FOR HIGH TECHNOLOGY

MALAYSIAN Industry-Government Group for High Technology (Might) ialah sebuah Syarikat Berhad Dengan Jaminan dan bukan berasaskan keuntungan, di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri. Sebagai badan pelaksana Inisiatif Kerajaan bagi pengukuhan sains di negara ini iaitu *Science to Action* (S2A), Might memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan mapan perniagaan berasaskan teknologi tinggi di negara ini menerusi peranannya sebagai badan pemikir, mempromosi kerjasama

sektor awam-swasta serta sebagai platform untuk membangunkan perniagaan kepada usahawan-usahawan di Malaysia. Might adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan menerusi kekuatan kerjasama antara sektor awam dan swasta dengan keahlian lebih daripada 100 orang dari dalam dan luar negara dari pelbagai bidang, termasuk akademik, kerajaan dan industri. ([www.might.org.my](http://www.might.org.my))

## PEJABAT PENASIHAT SAINS

PEJABAT Penasihat Sains diletakkan di bawah naungan Pejabat Perdana Menteri. Fungsi utama Penasihat Sains adalah untuk menasihati Perdana Menteri mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Industri (STI). Penasihat Sains mengamalkan sikap objektif dan berkecuali dalam memastikan pembangunan STI dengan mengoptimalkan kekuatan antara sektor bagi seluruh mekanisme kerajaan serta swasta.

Pembangunan saintifik ditangani secara keseluruhan menerusi penggalakan aktiviti rantai nilai. Dalam memastikan kedinamikan proses inovasi, Penasihat Sains menggalakkan hubungan sains diplomasi dan antarabangsa serta pengukuhan keupayaan tempatan dalam memajukan inisiatif penyelidikan dan pembangunan saintifik.

Untuk maklumat lanjut, layari Might's Official Website: [www.might.org.my](http://www.might.org.my) / [www.twitter.com/mightmalaysia](http://www.twitter.com/mightmalaysia) / [www.facebook.com/mightmalaysia](http://www.facebook.com/mightmalaysia).